

Soalan Lazim

MUAMALAT STEP UP AUTO FINANCING-i

1. Apakah Muamalat Step Up Auto Financing-i?

Pakej Muamalat Step-up Auto Financing-i membolehkan pembeli menikmati ansuran bulanan yang lebih rendah pada awal pembiayaan apabila membeli model kereta Mitsubishi & Proton di bawah pengedaran EON Network disertakan dengan jaminan beli balik oleh myTukar untuk kereta anda sekiranya anda memutuskan untuk menjualnya pada masa hadapan.

2. Bagaimana Muamalat Step Up Auto Financing-i dapat membantu saya?

Muamalat Step Up Auto Financing-i ialah pelan pembiayaan kereta yang inovatif di mana anda dapat menikmati:

- (i) Ansuran bulanan yang lebih rendah dalam tempoh 3 tahun pertama pembiayaan dan meningkat secara sederhana sepanjang tempoh.
- (ii) Jaminan belian semula oleh myTukar.
- (iii) Penjimatan daripada ansuran bulanan yang lebih rendah dan potensi pulangan tunai daripada penjualan kereta akan membolehkan anda menaik taraf kepada kereta baharu pada tahun ke 3.

3. Berapakah tempoh pembiayaan ini?

Tempoh pembiayaan Muamalat Step Up Auto Financing-i yang ditawarkan adalah selama 5, 7 atau 9 tahun. Peringkat pembayaran adalah berdasarkan jadual di bawah:-

Pilihan	Tempoh Pembiayaan	Peringkat Bayaran
1	5 Tahun	a) Peringkat 1 – Tahun 1 hingga 3 (3 Tahun) b) Peringkat 2 – Tahun 4 hingga 5 (2 Tahun)
2	7 Tahun	a) Peringkat 1 – Tahun 1 hingga 3 (3 Tahun) b) Peringkat 2 – Tahun 4 hingga 7 (4 Tahun)
3	9 Tahun	a) Peringkat 1 – Tahun 1 hingga 3 (3 Tahun) b) Peringkat 2 – Tahun 4 hingga 6 (3 Tahun) c) Peringkat 3 – Tahun 7 hingga 9 (3 Tahun)

4. Berapakah jumlah pembiayaan maksimum yang boleh dimohon?

Pembiayaan maksimum adalah 90% daripada harga kenderaan, termasuk Takaful/Insurans & Cukai Jalan.

Scan to Apply



Terms & conditions apply.



03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Soalan Lazim

MUAMALAT STEP UP AUTO FINANCING-i

5. Apakah model kenderaan yang ditawarkan dalam program pembiayaan ini?

Program pembiayaan ini menawarkan kenderaan berjenama Mitsubishi dan Proton melalui pengedar di bawah rangkaian EON. Rujuk jadual dibawah untuk model kenderaan:

Jenama	Model	
Mitsubishi	Triton 4 x 4 Xpander	
Proton	Iriz Exora Persona	Saga X50 X70

Semua pembelian dan permohonan pembiayaan hendaklah dibuat melalui pengedar di bawah rangkaian EON.

6. Apakah perbezaan antara pakej ini berbanding dengan pakej pembiayaan kenderaan atau sewa beli yang lain?

Pakej Muamalat Step Up Auto Financing-i membolehkan anda menikmati bayaran balik bulanan yang lebih rendah dalam 3 tahun pertama tempoh pembiayaan (berbanding dengan pembiayaan kenderaan biasa), yang kemudiannya meningkat secara sederhana sepanjang tempoh, sejajar dengan peningkatan pendapatan anda.

Berbeza dengan pembiayaan sewa beli, ia memerlukan anda membayar ansuran bulanan yang sama sepanjang tempoh pembiayaan. Selain itu, Muamalat Step Up Auto Financing-i termasuk nilai jaminan beli balik yang disediakan oleh MyTukar.

7. Bagaimana sistem pembayaran berperingkat mempengaruhi ansuran bulanan saya?

Sistem pembayaran berperingkat disesuaikan dengan ansuran bulanan yang lebih rendah dalam 3 tahun pertama (peringkat 1) dengan peningkatan bayaran bulanan secara beransur-ansur selepas itu (peringkat 2 dan 3).

8. Apakah pilihan saya selepas peringkat 1 pembiayaan?

Anda mempunyai 3 pilihan untuk dipilih selepas tamat tahun ke- 3 pembiayaan (atau Tier 1) Pilihannya adalah seperti berikut:

- Meneruskan pembayaran pembiayaan kenderaan sedia ada sehingga matang;
- Menjual kereta kepada myTukar melalui buyback guarantee atau mana-mana pihak ketiga dan menyelesaikan jumlah tertunggak yang perlu dibayar;
- Menebus kereta daripada Bank dengan membuat penyelesaian penuh jumlah tertunggak yang perlu dibayar.

Scan to Apply



Soalan Lazim

MUAMALAT STEP UP AUTO FINANCING-i

9. Saya baru memulakan kerjaya pertama saya, adakah saya layak untuk program pembiayaan kenderaan ini?

Anda boleh memohon. Malah kami juga mempunyai program khusus untuk graduan yang baru bekerja yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Auto Grad. Dengan program ini anda boleh memohon walaupun baru mula bekerja. Anda hanya perlu sediakan salinan surat pengesahan pekerjaan, Sijil Diploma/Universiti, MyKad dan Lesen Memandu tertakluk kepada terma dan syarat.

10. Bolehkah saya membayar ansuran bulanan lebih tinggi bagi Peringkat 1? Apa yang akan berlaku?

Ya, anda boleh membayar ekstra bagi ansuran Peringkat 1. Bayaran tambahan dianggap sebagai bayaran lebihan.

Scan to Apply



MAP
MUAMALAT APPLICATION PLATFORM

Terms & conditions apply.

 mybankmuamalat

03 2600 5500
www.muamalat.com.my

A Member of
